



## Ekonomi Malaysia Menjelang 2020



Oleh  
**PROFESOR EMERITUS  
DATUK DR. ZAKARIAH  
ABDUL RASHID**  
Penganalisis Ekonomi

**PADA** Januari 2019, agensi antarabangsa penarafan kredit telah mengekalkan taraf A-stabil terhadap ekonomi Malaysia. Penarafan itu, saya fikir, sudah mengambil kira persekitaran semasa; pada masa ini, dunia masih lagi bergelut dengan pertikaian dagang Amerika Syarikat-China dan yang terbaharu wabak virus corona (Covid-19). Kedua-dua angkara ini hingga hari ini lebih banyak menawarkan kebimbangan daripada kepastian. Penarafan tersebut merupakan penilaian yang saksama.

Seperti ekonomi negara lain, ekonomi Malaysia juga berasa sukar untuk merangsang pertumbuhan; dasar kewangannya yang telah dilonggarkan dengan menurunkan kadar bunga kelihatan gagal merangsang permintaan agregat. Selang antara tiga hingga empat

bulan seterusnya Bank Negara Malaysia (BNM) menurunkan lagi kadar bunga sebagai tindakan yang terdesak walaupun tekanan pada harga umum sudah mula kelihatan.

Ekonomi Malaysia pada tahun 2019 tumbuh dengan kadar 4.3 peratus, satu kadar yang jauh di bawah sasaran 4.7 peratus. Prestasi pertumbuhan suku keempat, iaitu 3.6 peratus yang boleh dianggap sangat lemah bukan sahaja merupakan kadar terendah sejak krisis kewangan tahun 2019, malah berbanding dengan apa-apa yang disasarkan untuk suku tersebut, yakni 5.0 peratus.

Perlu diingat bahawa pada akhir suku keempat tahun tersebut bermulanya penularan wabak Covid-19 di China. Pada suku pertama tahun 2020 pula, dunia sudah mula bimbang

dengan penularan wabak tersebut yang berskala global. Ekonomi China terkesan hebat dengan wabak ini. Tidak dapat disangkal sama sekali bahawa Covid-19 memberikan impak kepada ekonomi global jika pemulihan wabak tersebut tidak berjaya dilakukan.

Dengan senario sedemikian, ekonomi Malaysia seperti kebanyakan negara yang lain tidak banyak mempunyai pilihan melainkan memperkenalkan pakej rangsangan fiskal dan kewangan untuk mengelak pertumbuhan ekonomi terbantut. Maka tidak hairanlah kita melihat dasar belanjawan defisit dan dasar kewangan yang longgar diamalkan pada ketika ini yang kemudiannya ditambah lagi dengan pakej rangsangan Covid-19.

Malaysia agak tambah terdesak kerana tahun 2020 diisytiharkan sebagai Tahun Melawat Malaysia, tetapi wabak virus tersebut memukul hebat sektor pelancongan. Hingga suku pertama 2020 ini, hotel serta agensi pengembaraan dan pelancongan telah merayu kerajaan agar membantu mereka untuk mengelakkan kerencatan sektor ini. Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 telah memberikan tumpuan yang tepat untuk merangsang sektor pelancongan, namun keberhasilannya hanya dapat kita lihat pada penghujung tahun ini.

Sementara itu, Belanjawan 2020 menyasarkan defisit fiskal yang lebih besar daripada tahun sebelumnya dengan dinaikkan daripada 3.0 peratus kepada 3.2 peratus, walaupun kerajaan pada mulanya dengan tegas ingin melaksanakan dasar pengukuhan fiskal; dengan pertumbuhan ekonomi pada tahun 2020 disasarkan pada kadar 4.8 peratus. Adakah sasaran tersebut dapat dicapai? Mungkin terlalu awal untuk kita menilai sasaran ini, situasi pada masa ini menunjukkan bahawa sasaran itu agak optimis.

Perkembangan hingga akhir Februari tahun ini menunjukkan keadaan yang sangat malap berdasarkan apa-apa yang disokong oleh angka isi padu perdagangan antarabangsa yang lemah dan indeks pengeluaran industri (*industrial production index, IPI*) yang merosot. Pergantungan ekonomi negara ini yang besar kepada sektor luar, perdagangan yang kurang memberangsangkan ini telah menjadikan

kegiatan pengeluaran menjadi malap lantas menurunkan Indeks Pengeluaran Perusahaan (IPP). Masih lagi sedang bergelut dengan persekitaran luar yang malap dan kesukaran besar mengukuhkan akaun fiskal untuk mengurangkan hutang awam, kini terpaksa pula berdepan dengan wabak Covid-19. Banyak penganalisis menganggap bahawa prestasi Q1-2020 akan lemah. Menurut pakar virus Malaysia, Covid-19 hingga pertengahan Februari, wabak ini masih dalam tahap pertama yang belum boleh dikategorikan sebagai telah menular.

Untuk mengatasi keadaan yang malap sedemikian, dasar fiskal dilaksanakan untuk mengembangkan ekonomi. Dalam suasana harga minyak mentah yang tidak menentu, bagaimanakah dasar sedemikian dilaksanakan? Hal ini tentunya menjadi suatu cabaran yang hebat. Pada ketika makalah ini ditulis, Covid-19 lebih banyak menawarkan pertanyaan daripada jawapan.

Pada masa ini, ekonomi tahun 2020 masih terlalu awal untuk dijangkakan. Perlu diingat bahawa kesihatan ekonomi Malaysia amat bergantung pada kesihatan ekonomi China.

**China merupakan destinasi eksport dan sumber import terbesar bagi Malaysia selain pelancong dari China merupakan pelancong utama ke negara ini.**



Mengapakah kita perlu menaruh bimbang kalau-kalau sesuatu yang sangat buruk bakal berlaku kepada ekonomi China? Kita terpaksa memantau perkembangan ini dengan rapi kerana China merupakan ekonomi kedua terbesar dunia dan negara yang menjadi punca wabak Covid-19, dan pada masa yang sama, ekonomi Malaysia pula sangat bergantung pada negara tersebut. Hal ini merupakan destinasi eksport dan sumber import terbesar bagi Malaysia selain pelancong dari China merupakan pelancong utama ke negara ini.

Sehubungan dengan itu, sektor pembuatan Malaysia yang terlalu tertumpu pada pengeluaran barangan elektrik dan elektronik (E&E) telah pun menerima bahang krisis ini seperti yang dilaporkan oleh angka eksport dan import Malaysia hingga Januari 2020. Mungkin sesuatu dapat kita ambil pelajaran daripada pengalaman dahulu ketika menangani wabak SARS dan seterusnya bagi menangani wabak Covid-19 pada kali ini pula.

Perlu juga kita beringat bahawa kita sudah terlalu lama bergantung pada permintaan domestik, khususnya permintaan isi rumah untuk menjanakan pertumbuhan ekonomi. Kaedah sedemikian tidak boleh dilakukan selama-lamanya kerana hal ini akan menimbulkan natijah struktur ekonomi yang telah menjadi semakin lemah. Perbelanjaan isi rumah yang berterusan banyak akan melemahkan pembentukan modal yang seterusnya menjadikan keupayaan pengeluaran pada masa akan datang juga semakin lemah.

Walaupun imbalan dagangan dalam akaun imbalan pembayaran (*balance of trade in balance of payments accounts*) kita masih berkeadaan lebihan, ancaman sebenar

yang sedang kita hadapi ialah isi padu jumlah perdagangan barang (*merchandise trade volume*) yang merosot secara berterusan dan hal ini mengancam potensi pertumbuhan ekonomi jangka panjang.

Pakej rangsangan untuk menangani Covid-19 telah pun dibentangkan pada 27 Februari 2020. Tepat sekali, pakej ini menumpukan perhatian pada pemulihan sektor pelancongan yang sedang teruk terjejas. Hotel dan pengusaha agensi pengembaraan berasa "pedihnya" apabila berlaku dengan mendadaknya pembatalan penempahan secara besar-besaran. Seperti yang kita ketahui, tahun 2020 ialah Tahun Melawat Malaysia dan negara menasarkankan kedatangan pelancong yang jauh lebih banyak daripada biasa.

Perbelanjaan pelancong bukan sahaja merupakan eksport utama negara, tetapi juga satu-satunya akaun perkhidmatan yang memberikan lebihan kepada akaun imbalan pembayaran negara. Kebanyakan pelancong asing adalah dari China. Adakah hal ini menjadi sebab negara tidak mengenakan sekatan memasuki Malaysia kepada pelawat dari China yang menjadi tempat bermulanya wabak ini?

Di samping itu, ekonomi negara turut terganggu teruk pada minggu terakhir bulan Februari 2020 kerana pada waktu tersebut berlaku kemuncak krisis kepimpinan politik tanah air. Jentera pentadbiran kerajaan terganggu dan suasana tidak menentu yang diselaputi dengan rasa bimbang yang amat sangat mula terjadi dalam pasaran saham dan mata wang asing. Tidak dapat disangkal bahawa politik kepimpinan negara merupakan asas kepada kehidupan rakyat. Perebutan kuasa dalam kalangan pemimpin politik memberikan kepayahan hidup kepada rakyat, termasuklah dalam bidang perekonomian yang sangat penting yang sudah sedia membebani rakyat.

Bursa Malaysia yang telah sedia lemah berbanding dengan bursa-bursa serantau yang lain, jatuh teruk. Indeks Komposit Kuala Lumpur jatuh sebanyak lebih 40 mata sebaik-baik sahaja pasaran saham dibuka keesokan harinya yang telah pun mula berada di bawah paras psikologi 1500. Hingga tiga minggu kemudian, indeks kekal berada di bawah paras



Sasaran Tahun Melawat Malaysia 2020 akan terjejas ekoran penularan wabak Covid-19.

tersebut. Pasaran saham sebelum ini sudah pun rasa tertekan yang menyaksikan aliran bersih mengeluarkan dana ekuiti.

Pemindahan kuasa pentadbiran politik daripada Barisan Nasional (BN) kepada Pakatan Harapan (PH) mendedahkan kepada awam beban hutang kerajaan yang besar, kemudian mengemukakan langkah pembaharuan institusi yang cuba dilakukan oleh kerajaan PH, namun hal ini belum berjaya memulihkan keyakinan orang ramai termasuk pelabur. Tambahan lagi, pada peringkat global, perang dagang Amerika Syarikat-China masih belum menunjukkan satu penyelesaian yang kukuh dan penularan wabak COVID-19 telah melemahkan ekonomi negara yang sedia dimaklumi sedang berdepan dengan masalah struktur yang jauh daripada memuaskan. Kejatuhan indeks yang besar dan kekal berpanjangan boleh memporak-perandakan ekonomi negara.

Dalam hal ini, yang penting dilakukan segera adalah memulihkan keyakinan orang ramai, termasuk pelabur, bahawa ekonomi Malaysia masih kekal berfungsi seperti biasa. Untuk menanamkan keyakinan yang tinggi terhadap jentera pentadbiran negara, memerlukan penerimaan orang ramai kepada bukan sahaja Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri baharu, tetapi juga kabinet yang dibentuk oleh beliau. Dalam kemelut ini, pada Isnin 9 Mac 2020, pasaran saham jatuh lagi dengan agak teruk buat kali kedua sebanyak hampir 40 mata lagi.

Hal ini merupakan cabaran yang besar kepada beliau selain penerimaan diri beliau sebagai Perdana Menteri. Bahkan isu perebutan dalam kalangan pemimpin politik termasuk yang kontroversi dan yang masih dalam siasatan kes rasuah untuk dilantik kembali dalam barisan kabinet. Kunci utama memulihkan keyakinan ialah penerimaan oleh pelbagai pihak termasuk pemimpin politik yang terlibat dalam pertelagahan dan orang ramai yang merana kerana pertelagahan tersebut.

Adakah gabungan beberapa buah parti politik yang membentuk Perikatan Nasional boleh diterima? Kita berharap agar Allah SWT membantu kita untuk memulihkan kembali suasana politik dan ekonomi negara ini dan



seterusnya membawa Malaysia ke tahap yang lebih tinggi.

Dari segi imej keperibadian politik antara Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Dato' Seri Anwar Ibrahim, Tan Sri Muhyiddin kelihatan kurang agresif berbanding dengan Tun Dr. Mahathir dan Dato' Seri Anwar sama ada dalam persada domestik dan pentas antarabangsa. Namun demikian, imej keperibadian dan kemanusiaan Tan Sri Muhyiddin pula kelihatan lebih kukuh daripada kedua-dua pemimpin tersebut.

Sifat agresif kedua-dua "sang gajah" itu telah menyerlahkan Muhyiddin sebagai "sang pelanduk" yang budiman. Imej beliau sebagai Melayu Muslim sangat menyerlah yang memberikan kelebihan yang ketara dalam pergelutan, selain rekod perkhidmatan lampau beliau sebagai Menteri Besar yang mengangkat Johor tersohor sebagai negeri yang paling dinamik ekonominya. Perdana Menteri baharu ini diharapkan dapat memulihkan dan membawa ekonomi Malaysia dan kesejahteraan rakyat dengan lebih baik dan lebih tinggi lagi.

Tun Dr. Mahathir dan Dato' Seri Anwar mempunyai imej yang lebih agresif.

**Perdana Menteri baharu diharapkan dapat memulihkan dan membawa ekonomi Malaysia dan kesejahteraan rakyat dengan lebih baik dan tinggi lagi.**